

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (SINAR NEGERI PAHANG)

TARIKH: 16 DISEMBER 2019

MUKA SURAT: 30



Sebahagian pekerja Ladang Nenas Kerpai yang dipindahkan selepas terputus hubungan akibat banjir semalam.

## Bomba pindahkan 45 pekerja Ladang Nenas Kerpai

KUANTAN - Pasukan bomba membantu memindahkan seramai 45 pekerja Ladang Nenas Kerpai, Rompin yang terputus hubungan selepas kawasan ladang itu dilanda banjir.

Pegawai Perhubungan Awam, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Anuar Hassan memaklumkan, Balai Bomba dan Penyelamat Rompin menggunakan sebuah bot gentian kaca dan Lori bagi memindahkan mangsa yang terlibat.

Sehingga jam 8 pagi semalam, jumlah mangsa banjir di daerah Rompin meningkat kepada 637 orang berbanding 142 orang jam 8 malam kelmarin.

Sebanyak sembilan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) telah dibuka di daerah itu.

PPS yang telah dibuka termasuk di Balai Kampung Sepayang melibatkan seramai 35 mangsa, Dewan Teluk Gading (26 mangsa), Balairaya Lintang atau Surau Kampung Perpat membabitkan empat keluarga (28 mangsa).

Enam lagi PPS yang dibuka ialah Balairaya Kampung Janglau (34 mangsa); Dewan Kampung Setajam (159 mangsa), Dewan Angkat Berat (42 mangsa), Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Pianggau (263 mangsa), Balai Raya Bukit Lepas (33 mangsa) dan SK Sarang Tiang (66 mangsa).